

UMS juarai futsal wanita IPTA Malaysia

UB 19.8.2014 A15

► Benam juara bertahan Unimap dengan agregat 5-0

Oleh DESMOND QWEK

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berpesta jaringan membenam juara bertahan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam aksi perlawanan akhir untuk bergelar juara pada Kejohanan Sukan Kakitangan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2014.

Masturah Majid menjadi srikandi UMS selepas melakukan jaringan hatrik dalam aksi penuh bergaya di Johor kelmarin yang menyaksikan pasukan wanita negeri ini menang dengan agregat 5-0.

Masturah membuka tirai jaringan seawal minit ketiga sebelum menyempurnakan peluang cantik pada minit ketujuh untuk gol kedua Sabah.

Pergerakan cantik beliau yang disusuli rapat oleh gandingan mantap Sherilyn Pius begitu menyerlah di mana di kalah para pemain cuba mengekang Masturah, Sherilyn berjaya melepassi kawalan lawan untuk turut melakukan jaringan pada minit kesembilan untuk kedudukan 3-0.

Belum berpuas dengan kedudukan itu, Sabah terus mengasak dan menambah



SARIANSAH Samsudin (depan tengah) bersama pasukan Wanita UMS meraih kejayaan mereka menjuarai Kejohanan Sukan Kakitangan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2014 di Johor kelmarin.

parah UniMAP menerusi jaringan hatrik Masturah pada minit ke-11 sebelum Sherilyn melengkap rekod kemenangan menerusi jaringan terakhir perlawanan pada minit ke-16 untuk kedudukan 5-0.

Pengurus pasukan Sariansah Samsudin berkata, kemenangan pasukan wanita itu bukan sahaja mencipta satu lagi sejarah dan kejayaan baru untuk UMS, tetapi turut meleburkan penguasaan UniMAP yang mana sebelum ini dikuasai sepenuhnya oleh

pasukan itu.

“Ini merupakan kali pertama kita menyertai pertandingan futsal wanita dalam kejohanan itu, dan saya pasti dengan usaha gigih kita mampu meneruskan rekod baik ini pada kejohanan-kejohanan di masa hadapan.

“Selaku pengurus pasukan, terima kasih kepada pihak UMS dan Unit Sukan UMS kerana memberi kepercayaan kepada pasukan ini menyertai kejohanan itu.

“Terima kasih juga

kepada para pemain yang telah bermain dengan penuh bersungguh-sungguh, memberikan yang terbaik dalam setiap perlawanan serta menunjukkan semangat kesukanan dan disiplin diri yang tinggi,” jelas beliau.

Para perlawanan liga kumpulan, Wanita UMS telah memberi amaran awal dengan menewaskan UniMAP juga menerusi jumlah jaringan yang sama dan disebut-sebut mampu menjuarai kejohanan tahun ini.